

"Saya melihat perhimpunan bulanan yang lebih menekankan kepada konsep bersantai sambil bersenam robik dan menikmati jamuan dapat mengeratkan lagi hubungan antara staf," katanya ketika berucap dalam perhimpunan bulanan bagi kakitangan pengurusan dan sokongan di Kompleks Sukan UUM, pagi tadi.

Dalam ucapan di hadapan lebih 1,300 kakitangan yang hadir beliau turut mengumumkan beberapa perkara antaranya anugerah bulanan bagi kakitangan di setiap jabatan, tawaran biasiswa kepada mereka yang ingin melanjutkan pengajian, melancarkan senamrobik versi UUM dan cadangan untuk membeli insuran kelompok.

Beliau berkata, melalui insuran yang akan diperkenalkan itu, pihak staf akan membayar premium serendah RM2.00 sebulan untuk diri mereka, manakala selebihnya akan ditanggung oleh universiti.

"Saya melihat sekiranya semua staf menjaga kesihatan dan menjalankan aktiviti yang menyihatkan di samping mendapat rawatan yang baik melalui skim insuran yang akan diperkenalkan nanti sudah tentu produktiviti dapat ditingkatkan," ujar beliau lagi.

Mustafa memberi penekanan dalam aspek kesihatan ini bagi mengelakkan dan mengurangkan cuti sakit di kalangan staf di universiti ini.

Sementara itu, Bendahari UUM Amron Man berkata, pihaknya dalam proses akhir bertemu dengan beberapa syarikat insuran yang menawarkan premium itu sebelum mendapat persetujuan daripada Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) tidak berapa lama lagi.

Katanya, melalui insuran yang akan diperkenalkan itu kelak kakitangan hanya membayar serendah RM2.00 sebulan, manakala universiti akan menanggung sebanyak RM276.00 untuk premium insuran bernilai RM300.00 bagi setiap kakitangannya.

"Namun semua itu bergantung kepada Ahli LPU dan sesi perbincangan yang akan dijalankan dengan beberapa pihak termasuk beberapa kesatuan kakitangan universiti ini," katanya.

Dalam pada itu Pemangku Pendaftar Mohamad Akhir Yusuf yang ditemui pula berkata, pihaknya bersedia menerima sebarang cadangan dan penambahbaikan daripada kakitangan universiti ini dalam sebarang saluran samada secara pertemuan dengan pihaknya, Sistem Pesanan Ringkas (SMS), telefon, email dan sebagainya seperti saranan Naib Canselor supaya kakitangan kampus ini dapat menyalurkan sebarang pendapat atau cadangan kepada pihak universiti.

=====

DARIPADA:SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my